



KEMENTERIAN PELANCONGAN,
KEBUDAYAAN & ALAM SEKITAR



JABATAN PERLINDUNGAN
ALAM SEKITAR



**MAJLIS SAMBUTAN
HARI ALAM SEKITAR NEGARA (HASN)
PERINGKAT SABAH 2024**

28 OKTOBER 2024
The Pacific Sutera Hotel, Sutera Harbour Resort

KANDUNGAN

| | |
|--|----|
| Pengenalan | 1 |
| Perutusan daripada Menteri KEPKAS | 3 |
| Perutusan daripada Setiausaha Tetap KEPKAS | 5 |
| Perutusan daripada Pengarah JPAS | 6 |
| Atur Cara | 7 |
| Senarai Penerima Penghargaan Khas HASN 2024 | 8 |
| Aktiviti JPAS | 9 |
| Puisi | 19 |

PENDAHULUAN

Hari Alam Sekitar Negara (HASN) merupakan satu penjenamaan semula dan inisiatif penambahbaikan yang telah dibuat oleh Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar daripada penganjuran Minggu Alam Sekitar Malaysia pada tahun-tahun sebelum ini. Sambutan Minggu Alam Sekitar Malaysia (MASM) merupakan satu acara tahunan yang telah dianjurkan susulan termaktubnya Deklarasi Langkawi Mengenai Alam Sekitar pada 21 Oktober 1989. Penjenamaan semula ini adalah bertujuan supaya masyarakat dapat menjiwai rasa kecintaan yang tinggi terhadap alam sekitar apabila ianya dikenali sebagai `Hari Alam Sekitar Negara'. HASN ini dianjurkan secara serentak di seluruh Negara pada 21 Oktober setiap tahun dengan pelbagai aktiviti pengisian. Sambutan HASN pada hari yang istimewa ini bertujuan untuk mengajak seluruh masyarakat agar sama-sama meraikan semangat kecintaan kepada alam sekitar dan memupuk kesedaran awam tentang kepentingan pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar di Malaysia.



OBJEKTIF HASN

- Mempromosikan pendidikan dan kesedaran alam sekitar secara meluas
- Menyediakan `platform` kepada warga Malaysia untuk bersama-sama menghayati alam sekitar
- Mengiktiraf kepada mereka yang telah memberi sumbangan dan jasa kepada pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar
- Memupuk kesedaran di kalangan masyarakat khususnya dalam pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar

Dengan penyertaan pelbagai pihak dari sektor awam, swasta, dan masyarakat umum, Hari Alam Sekitar Negara diharapkan dapat menjadi platform untuk merintis idea, teknologi, dan amalan hijau yang lebih inovatif.

Sehubungan itu, Majlis Sambutan Hari Alam Sekitar Negara Peringkat Sabah 2024 ini berperanan untuk memberi tanda penghargaan terhadap inisiatif-inisiatif proaktif yang diambil oleh pelbagai pihak dalam perlindungan alam sekitar di Sabah.

Diharap sambutan ini menjadi pemangkin kepada usaha berterusan dalam memastikan kesejahteraan alam semula jadi terus dipelihara dan dipertahankan.



YB DATUK SERI PANGLIMA CHRISTINA LIEW

MENTERI

KEMENTERIAN PELANCONGAN, KEBUDAYAAN DAN ALAM SEKITAR

Selamat sejahtera, Salam Malaysia Madani & Salam Sabah Maju Jaya,

Adalah merupakan satu penghormatan untuk kita bersama-sama meraikan sumbangan luar biasa individu dan organisasi yang berdedikasi terhadap perlindungan alam sekitar yang sungguh berharga di Sabah.

Pertama sekali, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua ahli Sabah Environmental Education Network (SEEN) atas komitmen yang mantap dalam pelaksanaan pendidikan alam sekitar di Sabah. Usaha jaringan unik oleh SEEN ini menunjukkan komitmen bersama bagi melindungi alam sekitar di antara agensi kerajaan, institusi pendidikan, badan bukan kerajaan, syarikat swasta dan lain-lain.

Saya juga ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pelbagai rakan kerjasama yang telah menyokong pelbagai program dan aktiviti alam sekitar yang telah dijalankan oleh Kementerian saya melalui Jabatan Perlindungan Alam Sekitar (JPAS), termasuk UNICEF, Axiata Foundation, PTT Exploration and Production (PTTEP), Shell, PETRONAS dan banyak lagi. Kerjasama berterusan ini adalah sangat dihargai bagi memacu perkembangan inisiatif perlindungan alam sekitar.

Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada semua sekolah, ibu bapa, komuniti dan syarikat/badan berkanun yang terlibat di atas dedikasi dan semangat anda dalam usaha ini.

Tidak dilupakan, setinggi-tinggi terima kasih kepada rakan-rakan media kita yang telah terus membantu menyampaikan kesedaran kepada orang awam berkaitan isu-isu alam sekitar, dan sekaligus memastikan topik kritikal ini kekal dalam perhatian umum.

Saya berbangga kerana Dasar Alam Sekitar Sabah adalah antara dasar yang pertama di negara ini yang menjadi komitmen Sabah terhadap pembangunan mampan. Dasar Alam Sekitar Sabah 2017 berfungsi untuk memandu kerajaan Sabah ke arah pengurusan alam sekitar yang mampan.

Alam sekitar sentiasa menjadi keutamaan Kerajaan Sabah. Kerajaan Sabah mengiktiraf alam sekitar sebagai salah satu aspek yang penting untuk diambil kira dalam perancangan pembangunan di Sabah. Selain daripada itu, alam sekitar juga merupakan salah satu tonggak strategi (strategic pillars) bagi pembangunan mampan yang memerlukan penerapan dasar-dasar yang sesuai yang menggabungkan faktor dan piawaian alam sekitar untuk mengekalkan kelestarian alam sekitar dan sosial.

Dalam kita meraikan majlis malam ini, kita menghargai dan mengiktiraf usaha setiap individu yang telah menyumbang, sama ada secara langsung dan tidak langsung, kepada perlindungan alam sekitar di Sabah.

Terima kasih di atas semangat, usaha, dan komitmen anda yang tidak berbelah bahagi dalam melindungi alam sekitar. Marilah kita terus berusaha menjadikan Sabah sebagai contoh cemerlang dalam pengurusan alam sekitar.

Tahniah sekali lagi kepada semua penerima penghargaan, dan terima kasih di atas kehadiran dan sokongan anda semua.

Selamat Hari Alam Sekitar Negara 2024!



YANG BERBAHAGIA DATUK JOSIE LAI

SETIAUSAHA TETAP
KEMENTERIAN PELANCONGAN, KEBUDAYAAN DAN ALAM SEKITAR

Salam Sejahtera, Salam Malaysia Madani dan Salam Sabah Maju Jaya,

Setinggi-tinggi tahniah saya ucapkan kepada semua penerima penghargaan pada malam ini. Komitmen dan sumbangan semua adalah teras kepada pemeliharaan dan kelestarian alam sekitar di Negeri Sabah yang kaya dengan kepelbagaian biodiversiti dan sumber alam semulajadi yang bertaraf antarabangsa.

Saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam penganjuran Majlis Sambutan Hari Alam Sekitar Negara Peringkat Sabah 2024 ini, terutamanya kepada Jabatan Perlindungan Alam Sekitar yang kekal komited di dalam usaha melindungi alam sekitar kita.

Saya mengharapkan agar sokongan dan kerjasama daripada semua pihak akan diteruskan pada masa hadapan.

Sekian, terima kasih.

“Alam Sekitar, Tanggungjawab Bersama”



ENCIK VITALIS J. MODUYING
PENGARAH
JABATAN PERLINDUNGAN ALAM SEKITAR

Salam Sejahtera, Salam Malaysia Madani dan Salam Sabah Maju Jaya,

Dengan penuh rasa syukur, saya ingin mengucapkan selamat datang kepada semua jemputan ke Majlis Sambutan Hari Alam Sekitar Negara Peringkat Sabah 2024.

Saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih di atas usaha dan kerjasama semua pihak dalam membantu Jabatan perlindungan Alam Sekitar dalam melaksanakan pelbagai program perlindungan alam sekitar.

Syabas dan tahniah diucapkan kepada penerima penghargaan khas yang telah memberi sumbangan signifikan bagi memastikan keindahan alam sekitar kita terpelihara.

Sokongan dan usaha daripada semua pihak bagi menangani cabaran alam sekitar yang semakin kompleks perlu dilakukan melalui kerjasama yang erat dan berterusan di antara kita semua.

Alam sekitar tanggungjawab bersama,
Mesej untuk pedoman kita,
Disemai dengan eratnya kerjasama,
Demi kesejahteraan generasi kini dan selamanya.

ATURCARA

MAJLIS SAMBUTAN HARI ALAM SEKITAR NEGARA PERINGKAT SABAH 2024

TARIKH

28 Oktober 2024 (Hari Isnin)

MASA

6:45 - 10:00 Malam

TEMPAT

Hotel Pan Pacific, Sutera Harbour

| MASA | PROGRAM |
|-------------|---|
| 6.45 Petang | Ketibaan Tetamu |
| 7.00 Malam | Ketibaan Ketua / Wakil Kementerian/Jabatan/Agensi |
| 7.15 Malam | Ketibaan Yang Berbahagia Datuk Josie Lai, Setiausaha Tetap Kementerian Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar |
| 7.30 Malam | Ketibaan Yang Berhormat Datuk Seri Panglima Christina Liew, Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar |
| 7.35 Malam | Tarian Sambut Tamu |
| 7.40 Malam | Ucapan Perasmian oleh Yang Berhormat Datuk Seri Panglima Christina Liew, Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar |
| 7.50 Malam | Peluncuran Hari Alam Sekitar Negara Peringkat Sabah Jamuan Makan Malam Persembahan Hiburan Penyampaian Penghargaan Khas Sekolah Mentor SERASI Penyampaian Penghargaan Khas Sekolah Rakan AQUAMS Persembahan Hiburan Penyampaian Penghargaan Khas Komuniti Penyampaian Penghargaan Khas Syarikat/Badan Berkanun Penyampaian Cendera Kenangan kepada Yang Berhormat Datuk Seri Panglima Christina Liew Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar |
| 9.30 Malam | Persembahan Penutup |

SENARAI PENERIMA PENGHARGAAN KHAS

Sekolah Mentor **SERASI**

SM St Michael, Penampang
SM St Patrick, Tawau
SJKC Chi Hwa, Sandakan
SJKC Sin Hwa, Tawau
SK Lambidan, Kuala Penyu

Sekolah Rakan **AQUAMS**

SM St Michael, Penampang
Sekolah Indonesia Kota Kinabalu
SK Buang Sayang, Papar
SJKC Chung Hwa, Tamparuli
SMKA Tun Ahmad Shah, Kota Kinabalu


Syarikat/ Badan Berkanun

SD Guthrie Plantation (Sabah) (Ladang Mostyn)
SD Guthrie Plantation (Sabah) (Ladang Giram)
Lembaga Kemajuan Tanah Negeri Sabah (Ladang Karamatoi)
WCT-CCCC Joint Venture
(Projek SDC - Pembesaran Pelabuhan Kontena Teluk Sapangar, Kota Kinabalu)
K.K.I.P Sdn Bhd


Komuniti

Kg Kiau Kota Belud
Kg Piasau Kota Belud
Kg Podos Kota Belud
Kg Darau Kota Kinabalu
Kg Suasa Beaufort

Usaha-Usaha Perlindungan Alam Sekitar di Sabah








SABAH STATE POLICY ON THE ENVIRONMENT



SABAH ENVIRONMENTAL EDUCATION POLICY

Publications of Environmental Self Regulations & SOPs

to minimize the project's impact on the environment, enhance sustainability, and meet regulatory requirements without external enforcement.





Sabah Environmental Education Network (SEEN)



Bengkel Pengurusan Alam Sekitar



Pelancaran Edisi Ke-3
Environmental Impact Assessment (EIA) Handbook

Sekolah Rakan Alam Sekitar (SERASI)



AQUAMS Project

Air Quality Monitoring in Schools Project

<https://aquams.my>




COMMUNITY-BASED AIR QUALITY MONITORING PROGRAMME FOR SCHOOLS



Clean Ocean Project by Students in Sabah and Akita (COPSA)



PENGHASILAN BAHAN KESEDARAN



PROGRAM BERSAMA KOMUNITI



ENVIRONMENTAL EDUCATION RACE (EE RACE)



JALINAN KERJASAMA





Alam Sabah, Pusaka Kita

Alam Sabah, indah tak berkata,
Di bawah bayang Gunung Kinabalu yang megah,
Hutan tebal, sungai mengalir jernih,
Bumi yang kaya dengan khazanah alam,
Setiap sudutnya hidup penuh warna,
Biodiversiti tumbuh subur, aman di bawah jagaan kita.

Namun alam ini rapuh,
Dari tangan kita, ia boleh terluka,
Udara bersih, air mengalir tenang,
Adalah hak setiap makhluk yang menghuni,
Tapi tanggungjawab juga terletak pada kita semua,
Untuk memelihara alam, untuk esok yang lebih cerah.

Jaga hutan, jaga lautan,
Jangan biarkan tercemar oleh tangan yang tamak,
Bersih, sihat, selamat untuk semua,
Adalah janji kita kepada tanah ini,
Kerana alam Sabah, pusaka kita,
Perlu dipertahankan, untuk masa depan yang lestari



**HARI ALAM
SEKITAR NEGARA**

21 OKTOBER

Alam Sekitar Tanggungjawab Bersama